

28 NOV 1999

Mahathir-Masjid

PAS CUBA CEMAR MASJID PUTRAJAYA, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 28 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata PAS telah cuba mencemari kesucian Masjid Putrajaya dengan menyebarkan fahaman kolot yang tidak sesuai dengan Islam di kalangan pengunjung masjid itu.

Katanya, mereka cuba menguasai masjid itu untuk menyebarkan fahaman kolot itu dan secara tidak langsung memburukkan imej Islam.

"Kita bernasib baik kerana dapat mengesannya lebih awal dan dapat menghalang percubaan PAS untuk mengotorkan Masjid Putra yang indah itu semata-mata kerana kepentingan politiknya," katanya ketika berucap dalam majlis perletakan batu asas pembinaan Masjid Bandar Baru Darulaman, dekat sini.

Dr Mahathir, yang juga presiden Umno, berkata masjid adalah tempat untuk menyatu padukan umat Islam tetapi PAS telah menggunakannya untuk memecah belahkan ummah.

Antara lain, mereka menggunakan mimbar masjid untuk mencaci dan melemparkan pelbagai fitnah terhadap kerajaan melalui khutbah-khutbah Jumaat, katanya.

Projek pembinaan masjid di Bandar Baru Darulaman yang berharga RM2 juta itu mendapat peruntukan sebanyak RM1.5 juta melalui Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.

Ia akan dibina di atas tapak seluas 0.45 hektar dan mampu menampung 1,500 jemaah.

Dr Mahathir berkata fahaman politik yang berbeza di kalangan umat Islam di negara ini tidak harus menghalang mereka daripada berkumpul dan menggunakan masjid yang masjid yang sama.

Malangnya PAS telah menuduh anggota Umno sebagai tidak cukup Islam atau kafir dan enggan sembahyang dalam masjid-masjid yang dibina oleh kerajaan, katanya.

Dr Mahathir turut menceritakan satu kejadian lucu yang membabitkan sekumpulan orang PAS yang menyebarkan fahaman politik parti itu di sebuah masjid.

Katanya, kumpulan itu telah bersembahyang secara berasingan di atas sebuah gelanggang badminton di luar sebuah masjid apabila para jemaah lain bersembahyang di dalam masjid itu.

Apabila ditanya kenapa mereka berbuat demikian, kumpulan PAS itu berkata: "Masjid kerajaan kami tak terima".

Para jemaah yang lain kemudian memberitahu mereka bahawa gelanggang badminton itu juga dibina oleh kerajaan.

Dr Mahathir berkata orang Melayu dan umat Islam di negara ini bersatu padu di bawah Umno sebelum negara mencapai kemerdekaan tetapi telah berpecah belah apabila PAS ditubuhkan.

"PAS memulakan perpecahan orang Melayu dan orang Islam. Hari ini jurang di antara dua parti ini sukar diatasi. Orang PAS tidak mahu merapatkan diri dengan orang Umno," katanya.

Fahaman sempit politik PAS, katanya, telah menyebabkan parti itu lari jauh daripada kehendak Islam dan kehendak masjid.

Perdana Menteri berkata dalam usaha memperjuangkan kepentingan politiknya, PAS sanggup berbuat dosa sepanjang masa.

Beliau berkata akhbar parti itu, Harakah, tidak kering menyiarkan pelbagai fitnah.

"Mereka berharap dengan fitnah yang memburuk-burukkan pemimpin kerajaan

dan keluarga saya, orang Islam akan tolak saya, Umno dan Barisan Nasional (BN)," katanya.

Dr Mahathir meminta rakyat supaya tidak terperdaya dengan dakwah PAS dan terus menyokong BN untuk menikmati kehidupan yang sejahtera dan pembangunan yang lebih pesat.

-- BERNAMA

TM MFJ zb